

3 cabaran utama bentuk masyarakat Asia Timur

UM - 26/5/2006

Tiga cabaran paling rumit perlu ditangani ialah penyatuan, meningkatkan keyakinan dan pelaksanaan terhadap langkah-langkah ke arah penyatuan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Daripada ZULKEFLI HAMZAH

TOKYO 25 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menggariskan tiga cabaran utama yang dihadapi dalam usaha merealisasikan pembentukan sebuah masyarakat Asia Timur yang sedang dibangunkan oleh negara-negara rantau ini.

Menurutnya, tiga cabaran paling rumit dan perlu ditangani itu ialah penyatuan, meningkatkan keyakinan dan pelaksanaan terhadap langkah-langkah ke arah penyatuan yang telah dipersetujui bersama.

Beliau yang menggariskan perkara itu dalam ucapan pada Persidangan Antarabangsa Nikkei Ke-12 yang dihadiri oleh tokoh politik dan korporat berpengaruh di sini hari ini berkata, bagi menghadapi cabaran tersebut, masyarakat Asia tidak boleh teragak-agak atau bergerak lembap.

"Lebih penting, kita jangan menyimpan. Mari kita bersama-sama dan memperbaharui tekad ke arah merealisasikan visi membentuk masyarakat Asia Timur yang dibina berdasarkan keazaman kuat, tujuan dan matlamat yang sama," katanya dalam ucapan bertajuk *Cabaran Untuk Sebuah Masyarakat Asia Timur*.

Abdullah berkata, walaupun proses pembentukan sebuah masyarakat Asia Timur yang inisiatifnya dipersetujui pada persidangan pertama Sidang Kemuncak ASEAN + 3 pada 1997 berjalan baik, tetapi ia kini berada di persimpangan yang kritikal.

Menurutnya, sebahagian momentum ke arah penyatuan yang tercetus semasa krisis kewangan Asia telah hilang apabila timbul rasa gelisah dan ragu terhadap usaha itu sehingga menyebabkan beberapa negara bergerak dalam arah berlainan.

Menjelaskan cabaran penyatuan yang

dihadapi oleh masyarakat Asia Timur, Perdana Menteri berkata, ketiadaan sokongan sesama negara akan menyebabkan kerjasama yang dijalankan menemui kegagalan.

Merujuk hubungan dingin Tokyo dengan Beijing dan Seoul serta pelbagai masalah bilateral yang membelenggu sesama negara Asia Tenggara, katanya, semua pihak akan menerima akibatnya jika perbezaan tersebut menyebabkan negara-negara bertindak mengikut arah sendiri.

"Akibatnya akan lebih buruk jika sebahagian daripada tindakan kita itu mere-mehkan inisiatif mewujudkan masyarakat Asia Timur yang telah kita pupuk dan gerak akan bersama-sama," tegasnya.

Dalam hal itu, Abdullah berharap, perbezaan sesama negara tidak menghalang usaha membangunkan masyarakat Asia Timur, sebaliknya setiap negara harus menggunakan pendekatan yang lebih seimbang sebagaimana yang diamalkan oleh ASEAN.

Tambahnya, China pula sebagai gergasi ekonomi tidak boleh terus dianggap sebagai satu ancaman kerana ia akan menjejaskan penyatuan dan hanya menjadi punca terganggunya hubungan dengan negara tersebut.

Mengenai cabaran kedua, Perdana Menteri memberi contoh terdapat keyakinan jika kerjasama Asia Timur kukuh akan menjadikan kerjasama ASEAN lemah.

Ketidakyakinan itu, katanya, tidak menyumbang ke arah kebaikan bersama kerana setiap proses - ASEAN, ASEAN + 3 dan Persidangan Kemuncak Asia Timur - adalah untuk melengkapkan dan membantu satu sama lain, bukan sebagai penyeimbang atau pemeriksa.

"ASEAN perlu terus menggerakkan ASEAN + 3 dan juga proses Persidangan Kemuncak Asia Timur dengan penyerta-



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Jusuf Kalla (kiri) diiringi Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi pada majlis makan malam anjuran Nihon Keizai Shimbun Inc. (Nikkei) di Tokyo, semalam.

an aktif semua negara yang terlibat," katanya sambil menambah ASEAN tidak akan membenarkan dominasi mana-mana negara dalam menggerakkan sebarang proses.

Sehubungan itu, katanya, negara-negara Asia Timur mesti memperbaharui keyakinan mereka dalam ASEAN + 3 di mana proses itu perlu dikekalkan sebagai jentera utama membentuk sebuah masyarakat Asia Timur.

Mengenai pelaksanaan pula, beliau menjelaskan semua negara terlibat mesti mempunyai keyakinan tinggi untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dan pro-

gram yang telah dipersetujui serta apa yang akan digunakan pada masa depan.

Semasa menjawab soalan daripada peserta, Abdullah berkata, hubungan dingin Jepun dengan China dan Korea Selatan yang merupakan rakan ASEAN boleh menjejaskan kestabilan rantau ini.

Persidangan dua hari ini turut dihadiri oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang akan berucap esok. Tokoh lain ialah Najib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla, bekas Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone dan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew.